

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) status laporan oleh Pasukan Petugas Dasar UEC (PPDUEC), termasuk sama ada laporan tersebut telah dimuktamadkan dan dikemukakan kepada Kementerian; dan
- (b) adakah Kementerian yang baharu ini bersetuju untuk mengiktiraf UEC sebagai syarat kemasukan ke IPTA.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menerima sebarang laporan daripada Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC). Berdasarkan terma rujukan PPDUEC, tempoh untuk mengemukakan laporan kajian kepada KPM adalah tiga hingga enam bulan bermula 29 November 2018. Tempoh kajian telah dilanjutkan sebanyak enam kali sehingga ia tamat pada 29 Februari 2020. Walau bagaimanapun, PPDUEC masih belum menyerahkan laporan kajian berkenaan. Memandangkan tempoh kajian tidak dilanjutkan dan telah tamat, maka keanggotaan PPDUEC juga tamat secara automatik pada tarikh yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, KPM kekal tidak mengiktiraf UEC berlandaskan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.